

Penjawat awam wajar teruskan kecemerlangan

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my



Timbalan Pengarah Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) Universiti Putra Malaysia (UPM)

Ketika menyampaikan perutusan khas kelmarin, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyeru semua penjawat awam khususnya barisan petugas hadapan terus tabah melaksanakan tugas dan tanggungjawab tanpa terganggu situasi yang berlaku.

Ini jelas menzahirkan harapan besar kerajaan kepada penjawat awam dalam memastikan jentera pentadbiran negara terus berfungsi seperti biasa dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Ironinya, negara kini berdepan dua krisis terbesar dalam sejarah - kesihatan dan ekonomi. Jadi, ia bukan masanya untuk melayan krisis politik yang jelas mengeruhkan lagi keadaan.

Sebaliknya semua pihak perlu memberi perhatian terhadap usaha dan inisiatif untuk menangani pandemik COVID-19 serta memulihkan ekonomi negara.

Tatkala bilangan kematian terus meningkat, kadar pengangguran membimbangkan serta semakin ramai mula mengibarkan bendera putih mengharapkan bantuan makanan untuk meneruskan kelangsungan hidup, negara tidak sewajarnya terjerumus dalam krisis politik seperti ini.

Jadi sementara ahli politik menyelesaikan isu di perdebatkan, rakyat dan negara meletakkan harapan cukup besar pada bahu penjawat awam. Untuk itu, setiap penjawat awam perlu terus kekal fokus melaksanakan amanah masing-masing.

Pelbagai inisiatif dirancang dan dilaksanakan un-

tuk menangani penularan wabak dan memulihkan ekonomi perlu diteruskan tanpa sebarang gangguan.

Penjawat awam, terutama petugas barisan di sektor kesihatan perlu memastikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) mencapai sasaran dan matlamat ditetapkan. Ini penting kerana hanya vaksinasi dan imuniti kelompok satu-satunya cara terbaik untuk kita kembali menjalani kehidupan seperti biasa dengan segera.

Di samping itu, lapan pakej rangsangan ekonomi diumumkan sebelum ini juga perlu dilaksanakan tanpa sebarang gangguan. Penjawat awam sebagai kelompok pelaksana perlu memastikan semua insentif dan bantuan disediakan melalui pakej rangsangan sampai kepada kumpulan sasar dengan cekap dan pantas.

Terlalu ramai terkesan akibat wabak mengharapkan bantuan kerajaan. Besarlah harapan jika pen-



jawat awam dapat memastikan dana RM530 bilion disediakan melalui lapan pakej rangsangan ini dimanfaatkan sepenuhnya seperti dihasratkan.

Kemelut politik juga menyebabkan ada menteri meletakkan jawatan atas prinsip menzahirkan ketetiaan kepada parti dinaungi. Ini sudah semestinya memberi impak besar kepada perjalanan fungsi menterian terbabit jika tidak ditangani dengan bijak.

Dalam hal ini, kita meletakkan harapan besar kepada Ketua Setiausaha (KSU) di kementerian terbabit untuk memastikan pentadbiran dan perkhidmatan awam berfungsi seperti biasa tanpa sebarang gangguan. Walau apa pun berlaku, rakyat mesti mendapat perkhidmatan diperlukan.

Inilah masa untuk semua KSU dan ketua perkhidmatan membuktikan kemampuan masing-masing dengan memainkan peranan lebih signifikan dalam memastikan keseluruhan jentera pentadbiran dan perkhidmatan kerajaan berfungsi seperti biasa tanpa sebarang gangguan.

Dengan kemahiran dan pengalaman, diyakini semua ketua perkhidmatan dapat melaksanakan tugas dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi dan efisien, sebagai bukti perkhidmatan awam adalah nadi dan tiang seri sistem pentadbiran negara.

Ironinya, tidak sukar penjawat awam meneruskan kecemerlangan kerana lazimnya banyak dipengaruhi sikap berkecuali, pemikiran matang dan profesional serta kesedaran untuk memikul tanggungjawab diamanahkan berpaksikan mantera 'Berkhidmat Untuk Negara' yang dilihat menjadi pegangan setiap penjawat awam dalam melaksanakan tugas mereka.

Semoga setiap penjawat awam dapat membalaaskan kepercayaan dan harapan besar disandarkan rakyat dan negara.